

## **TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN DAN URUS NIAGA PENGELUARAN TANPA KAD PUBLIC BANK**

### **1. TAKRIFAN**

- 1.1 Perkataan dan ungkapan yang berikut membawa maksud yang berikut:
- a. “ATM” bermaksud mesin teler automatik.
  - b. “Bank” bermaksud Public Bank Berhad (PBB) dan/atau Public Islamic Bank Berhad (PIBB), mengikut keadaannya.
  - c. “Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad” bermaksud perkhidmatan yang membolehkan Pengirim memulakan suatu pindahan dana kepada Penerima melalui PB engage dan kemudiannya, Penerima akan membuat urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.
  - d. “Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad” bermaksud pengeluaran tunai melalui ATM atau CRM Bank tanpa menggunakan kad debit.
  - e. “CRM” bermaksud mesin kitar semula tunai.
  - f. “PB engage” merujuk aplikasi mudah alih kepunyaan Bank.
  - g. “Kumpulan Public Bank” bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, rakan sekutu gabungan atau perbadanan yang berkaitan termasuk syarikat induk, subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen masing-masing.
  - h. “Pusat Hubungan Sehenti Public Bank” bermaksud pusat hubungan Kumpulan Public Bank. Butir-butir untuk menghubungi boleh didapati melalui <https://www.pbebank.com/Contact/Call-Us.aspx>
  - i. “Pengirim” bermaksud orang yang memindahkan dana kepada Penerima melalui PB engage dengan memasukkan nombor telefon mudah alih Penerima yang kemudiannya akan membenarkan Penerima untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.
  - j. “Penerima” bermaksud orang yang menerima dana daripada Pengirim yang membenarkan orang itu untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

- k. “Pengeluaran Sendiri” merujuk ciri-ciri dalam PB engage yang membolehkan Pengirim memulakan pindahan dana kepada dirinya sendiri melalui PB engage yang mana beliau kemudiannya akan membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Ini juga dikenali sebagai pindahan pihak pertama.
- l. “Terma dan Syarat” bermaksud terma dan syarat ini yang termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Bank.
- m. “Kepada Lain-lain” merujuk ciri-ciri dalam PB engage yang membolehkan Pengirim memulakan pindahan dana kepada mana-mana pihak ketiga melalui PB engage yang mana pihak ketiga itu kemudiannya akan membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Ini juga dikenali sebagai pindahan pihak ketiga.
- n. “Kod Urus niaga atau Kod-T” bermaksud angka@digit yang diberikan oleh Bank kepada Pengirim selepas Pengirim berjaya memulakan pindahan, sama ada Pengeluaran Sendiri atau Kepada Lain-lain. Ini akan ditunjukkan pada PB engage apabila pengeluaran berjaya dibuat.
- o. “Kod Pengeluaran atau Kod-W” bermaksud digit yang dihantar oleh Bank kepada Penerima melalui SMS.
- p. “SMS” merujuk perkhidmatan mesej pesanan ringkas.
- q. “Tempoh Sah” bermaksud tempoh sah bagi Kod Urus niaga dan/atau Kod Pengeluaran, mengikut keadaannya.

## 2. **Rujukan**

- 2.1 Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.2 Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.
- 2.3 Rujukan kepada seseorang termasuk peguam, wasi dan pentadbir seseorang itu dan Terma dan Syarat ini akan mengikat mereka itu.
- 2.4 Rujukan “termasuk” atau “misalnya” atau perkataan yang bermaksud sama sebagai pengenalan tidak terhad pada maksud perkataan seperti yang menjadi contohnya.

### 3. **Terma dan Syarat**

- 3.1 Terma dan Syarat ini mengawal Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Adalah penting Pengirim dan Penerima membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad digunakan.
- 3.2 Sekiranya Pengirim menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim dianggap sebagai telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.
- 3.3 Sekiranya Penerima membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad, Penerima dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.
- 3.4 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:-
  - a. terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian Public Bank (PBe) dan Perbankan Mudah Alih (PB engage); dan
  - b. terma dan syarat yang mengawal akaun yang berkaitan dalam mana dana didebitkan bagi tujuan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad (secara kolektif dikenali sebagai “Terma Lain”).
- 3.5 Sekiranya terdapat pertikaian atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan berkaitan dengan Perkhidmatan dan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

### 4. **Urus niaga/Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad**

- 4.1 Pengirim boleh memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad untuk “Pengeluaran Sendiri” atau “Kepada Lain-lain” melalui PB engage.
- 4.2 Pengirim hendaklah memastikan beliau memasukkan butir-butir yang betul dan lengkap, termasuk nombor mudah alih Penerima, nama Penerima dan amaun yang akan dipindahkan sebelum mengemukakan arahan untuk memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 4.3 Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk menentusahkan butir-butir yang dimasukkan oleh Pengirim berkenaan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad. Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk menentusahkan nombor mudah alih Penerima dan nama Penerima.

- 4.4 Selepas Pengirim berjaya memulakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim akan menerima Kod Urus niaga melalui PB engage dan Penerima akan menerima Kod Pengeluaran melalui SMS daripada nombor mudah alih yang dimasukkan oleh Pengirim.
- 4.5 Penerima kemudiannya akan dapat mengeluarkan wang daripada mana-mana ATM atau CRM Bank dengan memasukkan Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran dalam Tempoh Sah kod berkenaan.
- 4.6 Sekiranya Penerima gagal untuk memasukkan mana-mana satu kod berkenaan dengan betul, Penerima tidak akan dapat mengeluarkan wang daripada ATM atau CRM Bank.
- 4.7 Sekiranya beberapa percubaan telah dibuat oleh Penerima dengan memasukkan Kod Urus niaga atau Kod Pengeluaran, urus niaga tersebut mungkin dibatalkan oleh Bank dan Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran tidak lagi boleh digunakan oleh Penerima bagi Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad itu.
- 4.8 Selepas Penerima berjaya membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad, amaun yang dikeluarkan oleh Penerima akan didebitkan daripada akaun Pengeluar yang dipilih oleh Pengeluar bagi tujuan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.

## 5. **Kod Urus niaga (Kod-T)**

- 5.1 Pengirim bertanggungjawab untuk berkomunikasi mengenai Kod Urus niaga kepada Penerima dalam Tempoh Sah dengan cara yang selamat dan memastikan semua langkah yang munasabah telah diambil untuk mengelakkan Kod Urus niaga daripada digunakan tanpa kebenaran dan/atau secara penipuan.
- 5.2 Pengirim tidak boleh mendedahkan Kod Urus niaga kepada mana-mana orang selain daripada Penerima yang sepatutnya.
- 5.3 Pengirim tidak boleh merekod atau menyimpan Kod Urus niaga di mana-mana tempat atau dengan cara yang membolehkan mana-mana pihak ketiga untuk mempunyai akses kepada Kod Urus niaga berkenaan.
- 5.4 Sekiranya Pengirim mengesyaki atau mengetahui bahawa terdapat orang yang tidak dibenarkan telah mengetahui Kod Urus niaga atau mempunyai akses kepada Kod Urus niaga, Pengirim akan memaklumpkannya dengan segera kepada Sokongan Pelanggan PBe Public Bank. Bank boleh (tetapi tidak dipertanggungjawabkan untuk)

membatalkan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dimulakan oleh Pengirim.

## 6. **Kod Pengeluaran (Kod-W)**

- 6.1 Pengeluar akan memaklumkan kepada Penerima yang beliau akan menerima Kod Pengeluaran melalui SMS dan Kod Pengeluaran ini akan digunakan bersama-sama dengan Kod Urus niaga dalam tempoh sah masing-masing bagi tujuan untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.
- 6.2 Pengirim akan memastikan Penerima telah mengambil semua langkah yang perlu untuk mengelakkan Kod Urus niaga daripada digunakan tanpa kebenaran dan/atau secara penipuan.
- 6.3 Pengirim akan memastikan Penerima tidak merekod atau menyimpan Kod Urus niaga di mana-mana tempat atau dengan cara yang membolehkan mana-mana pihak ketiga mempunyai akses kepada Kod Urus niaga berkenaan.
- 6.4 Sekiranya Pengirim mengesyaki atau mengetahui bahawa terdapat orang yang tidak dibenarkan yang mengetahui Kod Urus niaga atau mempunyai akses kepada Kod Urus niaga, Pengirim dan/atau Penerima akan memaklumpkannya dengan segera kepada Sokongan Pelanggan PBe Public Bank. Bank boleh (tetapi tidak dipertanggungjawabkan untuk) membatalkan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dimulakan oleh Pengirim.

## 7. **Caj Perkhidmatan**

- 7.1 Caj perkhidmatan sebanyak RM0.00 akan dikenakan kepada Pengirim dan didebitkan daripada akaunnya apabila beliau berjaya membuat pengeluaran.
- 7.2 Bank berhak untuk menyemak semula caj bagi penggunaan Perkhidmatan Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad dengan memberi notis awal selama 21 hari kepada Pengirim. Semakan semula itu akan berkuat kuasa dari tarikh seperti yang dinyatakan dalam notis. Sekiranya Pengirim terus menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad pada atau selepas tarikh kuat kuasa makluman tersebut, Pengirim dianggap bersetuju dan menerima semakan semula itu.

## 8. **Pembatalan**

- 8.1 Pengirim mempunyai pilihan untuk membatalkan mana-mana arahan yang diberi untuk Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad sebelum

Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad dibuat oleh Penerima. Apa-apa pembatalan arahan mesti dimaklumkan oleh Pengirim kepada Penerima dengan segera bagi mengelakkan pertikaian atau percubaan untuk membuat pengeluaran oleh Penerima.

- 8.2 Bank tidak dipertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Penerima mengenai apa-apa pembatalan arahan oleh Pengirim berkenaan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang menyebabkan Penerima tidak dapat membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad.

## 9. **Penafian**

- 9.1 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa prejudis terhadap mana-mana fasal di bawah Terma dan Syarat ini, Bank termasuk pengarah, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan berikutan daripada atau berkenaan dengan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad atau berkaitan dengan apa-apa penangguhan, kesilapan, ketertinggalan, kecacatan atau kegagalan sistem.
- 9.2 Tanpa mengehendkan keluasan makna fasal di atas dan setakat mana dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi atau rasa malu yang dialami atau ditanggung oleh Pengirim, Penerima atau mana-mana pihak ketiga oleh sebab yang berikutan:-
- a. kegagalan Pengirim dan/atau Penerima untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
  - b. kegagalan Pengirim dan/atau Penerima untuk mematuhi arahan, prosedur dan petunjuk terkini bagi penggunaan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad;
  - c. kegagalan Pengirim untuk memberi Kod Urus niaga kepada Penerima;
  - d. kegagalan Pengirim untuk memberi Kod Urus niaga yang tepat kepada Penerima dalam Tempoh Sah;
  - e. apa-apa pembatalan oleh Pengirim berkenaan dengan arahan mengenai Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad;
  - f. kegagalan Penerima untuk menerima apa-apa wang dari ATM dan/atau CRM atas sebab teknikal kepada ATM dan/atau CRM; atau

- g. kegagalan Penerima untuk memastikan Kod Pengeluaran disimpan dengan sempurna; atau
- h. apa-apa Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad yang berjaya dibuat oleh pihak yang tidak dibenarkan selepas Kod Urus niaga dan Kod Pengeluaran dimasukkan.

## 10. **Tanggung rugi**

10.1 Sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi lain yang Bank punyai (mengikut undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Pengirim dan/atau Penerima pada setiap masa menanggung rugi daripada dan terhadap semua tuntutan, kerugian, kos, ganti rugi, liabiliti, caj dan perbelanjaan termasuk fi guaman dan kos atas dasar tanggung rugi penuh yang Bank mungkin tanggung atau alami kerana:-

- a. Pengirim atau Penerima tidak mematuhi atau memungkiri Terma dan Syarat ini atau mana-mana terma dan syarat lain yang diterima pakai ke atas Pengirim atau Penerima;
- b. Bank bertindak menurut apa-apa arahan yang dikatakan diberi kepada Bank mengikut Terma dan Syarat ini;
- c. apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa undang-undang atau garis panduan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- d. apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap Pengirim dan Penerima atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang, penipuan atau kecuaiian oleh Pengirim dan Penerima;
- e. pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini; atau
- f. pematuhan oleh Bank apa-apa keputusan, perintah mahkamah, dikri, arahan, undang-undang, peraturan atau perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

## 11. **Pendedahan Maklumat**

11.1 Tanpa prejudis terhadap apa-apa hak untuk pendedahan yang Bank mungkin ada di bawah undang-undang seperti Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Pengirim dan Penerima bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank atau

mana-mana orang yang Bank memberi akses kepada rekod Bank berkaitan dengan Pengirim) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Pengirim dan Penerima serta penggunaan Perkhidmatan dan/atau Urus niaga kepada Perkhidmatan kepada mereka yang berikut:

- a. mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-
  - i. pelaporan;
  - ii. pelaksanaan fungsi-fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
  - iii. pematuhan dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Public Bank;
  - iv. pelaksanaan korporat;
  - v. pengelakan penipuan dan jenayah;
  - vi. pemungutan hutang;
  - vii. penyumberan luar fungsi-fungsi dan/atau operasi kami;
  - viii. penyiasatan, pengelakan atau sebaliknya berkaitan dengan penggubahan wang dan aktiviti jenayah;
  - ix. penambahbaikan dan menambah peruntukan perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada Pengirim dan Penerima;
  - x. mana-mana orang bagi atau yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.
  - xi. mana-mana orang yang Bank lantik bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan prestasi perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;
  - xii. juruaudit, peguamcara dan penasihat profesional kami;
  - xiii. polis atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
  - xiv. pencetak bahan-bahan alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan dan kepada mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang-barang atau penyedia perkhidmatan yang kami lantik;
  - xv. mana-mana agensi penarafan;
  - xvi. mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta atau subpeserta berkaitan dengan apa-apa obligasi Bank di bawah perjanjian perbankan antara Bank dengan Pengirim dan Penerima, atau penyerahhak, novati atau penerima pindahan;
  - xvii. mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan dengan bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank;
  - xviii. mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
  - xix. mana-mana pihak yang perlu bagi Bank untuk pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini;



- xx. mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank dibenarkan atau perlu untuk mendedahkannya di bawah undang-undang negara ini.
  - xxi. Penerima (berkaitan dengan urusan niaga Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad yang dibuat oleh Pengirim kepada penerima, tidak kira sama ada berjaya atau tidak).
- 11.2 Kami dan Kumpulan Public Bank boleh bertindak dalam apa jua cara yang Bank menganggap sesuai sekiranya perintah mahkamah dalam apa-apa bidang kuasa diserahkan kepada Bank. Pengirim dan Penerima bersetuju bahawa kedua-duanya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan tindakan kami.
- 11.3 Pengirim dan Penerima mengesahkan bahawa mereka telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Kerahsiaan yang dikeluarkan oleh Bank yang boleh didapati melalui <http://www.pbepbank.com/Others/Privacy.aspx>. Pengirim dan Penerima bersetuju bahawa kandungan Notis Kerahsiaan ini akan dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.

## 12. **Penggantungan atau Penamatan**

- 12.1 Bank boleh tanpa notis terlebih dahulu menggantung atau menamatkan hak Pengirim untuk menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 12.2 Bank boleh menggantung atau menamatkan hak Pengirim terhadap Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad serta-merta sekiranya:-
- a. Pengirim mengugut untuk memungkiri atau telah memungkiri mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
  - b. Pengirim meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, insolven atau bankrap;
  - c. Undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikan tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak mungkin untuk Bank memberi kepada Pengirim atau terus memberi kepada Pengirim untuk menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad atau mematuhi kewajipan Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
  - d. terdapat siasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan atau sedang diambil terhadap Pengirim;
  - e. sekiranya terdapat laporan terhadap Pengirim di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

- f. sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad itu digunakan bagi apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

13. **Cukai, Duti dan Levi**

- 13.1 Pengirim bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi yang diperlukan mengikut undang-undang, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau yang ditanggung oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad.
- 13.2 Apa-apa cukai atau levi yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada Bank dan sekiranya Bank melaksanakan apa-apa bayaran, Pengirim bertanggungjawab untuk membayar semula kepada Bank amaun yang dibayar itu.

14. **Antirasuah**

- 14.1 Bank telah melancarkan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (yang boleh didapati pada laman web melalui <https://www.publicbankgroup.com/About-Us/Board-Of-Directors-Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>) yang menerima pakai “pendekatan sifar toleransi” terhadap apa juga bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaannya. Pengirim dan Penerima boleh memastikan mereka mematuhi Dasar Antirasuah dan Antisogokan itu dan tidak akan melakukan apa-apa tindakan antirasuah atau antisogokan yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Antirasuah Malaysia 2009 (“Akta MACC”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula Akta MACC berkenaan.
- 14.2 Bank boleh menamatkan penggunaan dan akses Pengirim kepada Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad dengan serta-merta sekiranya Pengirim didapati melanggar Dasar Antirasuah dan Antisogokan itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan rasuah atau sogokan.

15. ***Force Majeure***

Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan oleh apa juga keadaan di luar kawalan kami termasuk tetapi tidak terhad pada kerosakan atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi, kebakaran, banjir, letupan, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, terputus bekalan elektrik, pertikaian pekerja, embargo, rusuhan, gangguan awam, tsunami, kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, air dan bekalan minyak atau apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa yang tidak dijangka yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini, Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang anda mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

16. **Penepian**

16.1 Apa-apa kegagalan atau penangguhan di pihak Bank untuk melaksanakan hak dan remedi yang diberi kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang tidak boleh dianggap sebagai penepian oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut.

16.2 Sekiranya Bank memutuskan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak yang Bank ada berkaitan dengan kemungkiran oleh Pengirim atau Penerima, ini tidak boleh dianggap sebagai penepian hak Bank dan Bank boleh mengekalkan hak itu pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau mendesak haknya berkaitan dengan kemungkiran tersebut berkaitan dengan kemungkiran itu atau kemungkiran berikutnya oleh Pengirim atau Penerima.

17. **Kebolehasingan**

Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki Terma dan Syarat ini akan terus menjadi efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

18. **Penyelesaian Pertikaian**

18.1 Sekiranya Pengirim mempunyai apa-apa aduan, pertikaian, pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad ini, Pengirim boleh menghubungi Pusat Hubungan Sehati Public Bank.

18.2 Pengirim perlu menyatakan bentuk pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian atau butir-butir atau maklumat lain yang diperlukan oleh Bank. Aduan,

pertikaian atau pertanyaan itu akan disiasat, diurus dan/atau diselesaikan mengikut prosedur penyelesaian aduan dan penyelesaian Bank.

- 18.3 Bank tidak bertanggungjawab untuk melayani surat menyurat atau aduan oleh Penerima berkaitan kegagalannya untuk membuat Urus niaga Pengeluaran Tanpa Kad. Penerima hendaklah merujuk kepada Pengirim sekiranya terdapat aduan atau pertikaian.

19. **Pindaan**

Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau menukar Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal selama 21 hari kepada Pengirim. Sekiranya Pengirim terus menggunakan Perkhidmatan Pengeluaran Tanpa Kad, Pengirim akan dianggap sebagai bersetuju terhadap pindaan, pengubahsuaian, semakan semula dan perubahan pada Terma dan Syarat ini.

20. **Undang-undang yang Mengawal**

- 20.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pengirim dan Penerima tanpa boleh batal perlu mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 20.2 Pengirim dan Penerima bersetuju untuk mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang lain.